

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

2. Minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang jelaskan adakah Kerajaan Negeri mewajibkan semua surau-surau di dalam Negeri Pulau Pinang didaftarkan di bawah Majlis Agama Pulau Pinang.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Peruntukan di bawah Seksyen 96 hingga 98, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, hanya mewajibkan masjid sahaja yang didaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Peruntukan ini juga terpakai kepada surau-surau yang dibenarkan untuk mendirikan solat Jumaat.

Selain itu, Bahagian IV perkara 8 (a) Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997, ada memperuntukan tanggungjawab mengelola surau kepada Jawatankuasa Kariah sebagai suatu mekanisme kawalan yang diwujudkan.

Ini bermakna, buat masa ini tiada satu peruntukan khusus yang menetapkan bahawa surau wajib didaftarkan dengan MAINPP. Walau bagaimanapun, MAINPP boleh mengawal surau sekiranya tapak surau termasuk dalam kategori wakaf di mana ianya adalah terletak hak kepada MAINPP secara undang-undang.